



# **2022-2026**

# **PELAN**

# **STRATEGIK**

---

**PEJABAT  
DAERAH/TANAH HULU  
SELANGOR**



**PDTHS**

# ISI KANDUNGAN

## PELAN STRATEGIK PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR TAHUN 2022 - 2026





PELAN STRATEGIK PDTHS 2022 - 2026

# PENGENALAN DAERAH

## PENGENALAN DAERAH HULU SELANGOR

Daerah Hulu Selangor (dahulu dieja Ulu Selangor) mula wujud semasa permulaan pemerintahan Inggeris di Kuala Kubu Bharu. Pada ketika itu Kuala Kubu Bharu dikenali sebagai Kuala Kubu diletakkan di dalam Pentadbiran Residen-Residen British yang pertama iaitu Presiden Frank Athelstane Swettenham, diikuti oleh J.P Rodger dan Edward Maxwell. Pada masa itu, Kuala Kubu menjadi pintu masuk ke Negeri Pahang.


Kuala Kubu Bharu merupakan bandar baru terancang pertama di Malaysia (seluas 333 acres) yang dibina oleh pihak British (Charles Reade) bagi menggantikan Pekan Kuala Kubu yang musnah akibat dua banjir besar pada tahun 1883 dan 1932.

Daerah Hulu Selangor juga merupakan daerah yang terbesar daripada sembilan buah daerah di Negeri Selangor. Ia bersempadan dengan Negeri Perak di utara dan Negeri Pahang di sebelah timur, di utara Lembah Klang dengan keluasan 174,047 ha, hampir sama keluasan dengan Negeri Melaka.

Daerah Hulu Selangor mempunyai kawasan hutan yang luas ditadbir oleh Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor. Keluasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang direkodkan adalah seluas 115,454.14 ha, iaitu terdiri daripada Jenis Hutan Darat seluas 91,967.71 ha dan Jenis Hutan Paya Gambut seluas 23,486.43 ha.


# PETA DAERAH

PENGHULU TERTINGGI NP36 MUKIM SERENDAH EN. RUSMI BIN MINHAT	
PENGHULU KANAN NP32 MUKIM BATANG KALI EN. TAURAN BIN ABD HAMID	
PENGHULU KANAN NP32 MUKIM KUALA KUBU BHARU EN. AHMAD NAZRI BIN IBRAHIM	
PENGHULU NP29 MUKIM HULU BERNAM SELATAN EN. MOHAMED JAMIL BIN ABU BAKAR	
PENGHULU NP29 MUKIM KERLING EN. MOHAMMAD ZAIM BIN MOHAIMIN	
PENGHULU KANAN NP32 MUKIM KALUMPANG EN. MOHD EZHAM BIN MOHD AZMI	
PENGHULU NP29 MUKIM HULU YAM EN. MUHAMMAD NABIL BIN SALEHAT	



**51 BUAH KAMPUNG:-**

# 33 BUAH KAMPUNG TRADISI # 13 BUAH KAMPUNG BARU # 5 BUAH INDIA





PELAN STRATEGIK PDTHS 2022 - 2026

# RINGKASAN EKSEKUTIF

---

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## PELAN STRATEGIK PDTHS

Pelan Strategik PDTHS Tahun 2022-2026 bertujuan untuk membantu pihak pengurusan serta semua kakitangan PDTHS mendepani cabaran yang akan datang terutamanya ketika menjalankan tugas masing-masing yang semakin mencabar dalam era pembangunan Negeri Selangor dan umumnya untuk Malaysia yang tercinta.

Dokumen ini telah dihasilkan secara kolektif dan berpasukan bersama Tuan Pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kanan dalam menentukan hala tuju dan Pelan Strategik ke arah mencapai visi menjadikan Daerah Hulu Selangor daerah yang mesra pelanggan.

Dengan adanya pelan ini, hala tuju organisasi pada jangka masa panjang akan dapat dilihat dalam skop yang lebih luas di mana pelan ini boleh dijadikan sumber rujukan di dalam penyediaan perancangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) oleh setiap Bahagian/Unit PDTHS serta semua kakitangan.

Sehubungan itu, perancangan yang dibuat akan selaras dengan visi, misi dan objektif PDTHS sepanjang tempoh 2022 sehingga 2026. Semoga dengan adanya dokumen ini ianya menjadi penanda aras dan dapat melestarikan pembangunan serta memperkasakan tadbir urus ke arah kemakmuran daerah ini demi kesejahteraan rakyat.



PELAN STRATEGIK PDTHS 2022 - 2026

# **PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH**

# Prakata

## PEGAWAI DAERAH HULU SELANGOR

Pelan Strategik merupakan satu elemen penting dalam pengurusan sesebuah organisasi dan merupakan tahap perancangan tertinggi yang memperlihatkan hala tuju organisasi pada jangka masa panjang. Menyedari akan kepentingan untuk satu dokumen yang komprehensif dihasilkan bagi dijadikan rujukan dan panduan Jabatan untuk tempoh lima (5) tahun akan datang, gerak kerja untuk pembangunan Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor (PSPDTHS) 2022-2026 telah dimulakan sejak penghujung tahun 2021.

Oleh itu, saya percaya semua kakitangan akan terus digembangkan untuk mencapai matlamat masing-masing dan matlamat jabatan.

Dalam proses tersebut, jalinan kerjasama dan komunikasi di kalangan pihak pengurusan dan semua kakitangan akan dapat di perkukuhkan. Sesungguhnya, sistem kerja yang mengutamakan prestasi yang tinggi, meliputi aspek kualiti, disiplin, komitmen mendalam, integriti dan akauntabiliti harus membudaya dalam organisasi.

Dalam pengurusan sumber manusia pula “*punishment and reward*” perlu dilaksanakan. Saya berharap dengan adanya perancangan Strategi ini dan Pelan tindakan serta KPI yang ditentukan, semua kakitangan komited dan akan terus berusaha menyumbangkan kepakaran masing-masing bagi kejayaan jabatan agar akhirnya jabatan menjadi ikon kebanggaan semua, yang berjaya membangunkan organisasi yang cemerlang.



  
-----  
Mohamad Hanafe Bin Basri  
Pegawai Daerah Hulu Selangor

PELAN STRATEGIK PDTHS 2022 - 2026

# PENGENALAN

## PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR

# PIHAK BERKEPENTINGAN PDTHS



DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN SELANGOR



YAB DATO' MENTERI BESAR



YB AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
KERAJAAN NEGERI



**EX-OFFICIO**  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri,  
YB Penasihat Undang-undang Negeri &  
YB Pegawai Kewangan Negeri



AHLI DEWAN UNDANGAN  
NEGERI SELANGOR

# PELANGGAN PDTHS



# RAKAN STRATEGIK PDTHS

01

PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR

02

AGENSI KERAJAAN  
PERSEKUTUAN/ NEGERI /  
BANDAR BERKANUN/ GLC

03

AGENSI SWASTA

04

BADAN BUKAN KERAJAAN  
(NGO)

# NILAI-NILAI BERSAMA PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR



# ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

- 
- The diagram consists of nine numbered items, each enclosed in a rounded oval and connected by arrows forming a circular flow. The items are:
- 01** Kakitangan yang berkemahiran dan kompetan.
  - 02** Profesional, berdisiplin, proaktif, berintegriti dan semangat kerja berpasukan yang tinggi.
  - 03** Peruntukan kewangan yang mencukupi dan sumber manusia yang optimum.
  - 04** Pembekalan asset seperti kelengkapan peralatan ICT yang mencukupi dapat diperolehi demi memacu kemudahan organisasi yang baik.
  - 05** Penyertaan program latihan/kursus integriti dan tata tertib yang bersetujuan dan berterusan oleh pegawai dan kakitangan.
  - 06** Pembangunan infrastruktur yang kompetitif serta tadbir urus yang dinamik dan proaktif menyebabkan persepsi dan ekspektasi awam semakin kompleks.
  - 07** Membangunkan Sistem Berkomputer berkaitan pengurusan tanah yang komprehensif sebagai pemudahcara, serta sistem pengurusan fail / hak milik yang lebih sistematik.
  - 08** Pemantapan pembangunan luar bandar dapat dijalankan dengan penglibatan orang awam, sokongan kepimpinan politik dan kakitangan berpengalaman dan terlatih.
  - 09** Pembahagian fungsi organisasi berdasarkan dasar dan perundangan.




PELAN STRATEGIK PDTHS 2022 - 2026

# **CARTA ORGANISASI**

---

# CARTA ORGANISASI






PELAN STRATEGIK PDTHS 2022 - 2026

# **CARTA FUNGSI JABATAN**

# CARTA FUNGSI

## PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR





PELAN STRATEGIK PDTHS 2022 - 2026

# **TERAS STRATEGIK**

---

# TERAS STRATEGIK

## TERAS 1

01

Meningkatkan tadbir urus organisasi serta meningkatkan kualiti dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

## TERAS 2

02

Mengoptimumkan Kutipan Hasil.

## TERAS 3

03

Pemantauan Pengurusan Tanah & Pendaftaran Hakmilik.

## TERAS 4

04

Memperkasa pembangunan infrastruktur daerah dan memperkuatkan sosioekonomi yang komprehensif untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat

# STRATEGI-STRATEGI TERAS

## TERAS STRATEGIK 1

Meningkatkan tadbir urus organisasi serta meningkatkan kualiti dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

### STRATEGI 1

Memantapkan pengurusan Aset dan Kewangan Jabatan

### STRATEGI 2

Memantapkan Pembangunan Organisasi

### STRATEGI 3

Memantapkan Kualiti Sistem Pengurusan Pejabat

### STRATEGI 4

Memantapkan Pengurusan Pelanggan , Mempertingkatkan Imej Jabatan pada Perspektif Pelanggan Serta Pengukuhan hubungan antara jabatan dan pelanggan.

### STRATEGI 5

Memperkuuh Integriti dan Kompetensi Kakitangan Jabatan

### STRATEGI 6

Pembudayaan Inovasi dan penggunaan Teknologi Maklumat di dalam tugas harian

TERAS STRATEGIK 1		MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKUALITI						
STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memantapkan pengurusan Aset dan Kewangan Jabatan (2 PROGRAM)	1. Mengamalkan penjimatan tanpa menjejaskan prestasi perbelanjaan	Penjimatan perbelanjaan tahunan sebanyak 2% hingga 5% tertakluk kepada arahan Perbendahaan Negeri						Unit Kewangan
	2. Penyelenggaraan Aset Jabatan dilaksanakan secara berkala.	1) Bilangan Kenderaan Jabatan & Jadual Penyelenggaraan. 2) Jadual Penyelenggaraan Penghawa Dingin. 3) Pemadam Api						Unit Pentadbiran & Unit Aset

TERAS STRATEGIK 1		MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKUALITI						
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memantapkan Pembangunan Organisasi (2 PROGRAM)	1. Melaksanakan program/latihan	Bilangan program latihan  Bilangan pegawai yang menyertai program latihan		3 program 'in-house' setahun  80 orang setiap tahun				Unit Sumber Manusia & Perkhidmatan
	2. Pemantapan fungsi dan deskripsi tugas kakitangan	Peratus Penyediaan My Portfolio		100 % kemaskini My Portfolio				Unit Perkhidmatan

TERAS STRATEGIK I		MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKUALITI									
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB			
			2022	2023	2024	2025	2026				
Memantapkan Kualiti Sistem Pengurusan Pejabat (5 PROGRAM)	3. Pengiktirafan dan penghargaan	Pengekalan pensijilan MS ISO 9001:2015  Pensijilan EKSA	Pensijilan MS ISO: 9001 dikekalkan setiap tahun		Pensijilan Eksa dikekalkan setiap tahun				Unit Pentadbiran & Unit Perjawatan & Perkhidmatan		
	4. Prestasi Penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC)	Peratus pencapaian APPC	Pencapaian melebihi 85%					Unit Pentadbiran & Unit Perjawatan & Perkhidmatan			
	5. Pengurusan mesyuarat	Bilangan mesyuarat	4 kali setahun (Mesyuarat Pengurusan)					Unit Pentadbiran			
			4 kali setahun (Mesyuarat JPKA)					Unit Kewangan			
			4 kali setahun (Mesyuarat JKPAK)					Unit Aset			
			3 kali setahun (Mesyuarat MBJ )					Unit Perjawatan & Perkhidmatan			

TERAS STRATEGIK I		MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKUALITI						
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memantapkan Kualiti Sistem Pengurusan Pejabat (5 PROGRAM)	1.Meningkatkan persekitaran kerja yang kondusif	Kajian kepuasan pekerja tidak kurang 80%	80%	85%	90%	90%	92%	Unit Pentadbiran
	2. Memantapkan pengurusan rekod jabatan	Proses Pelupusan Rekod setiap 2 tahun sekali.	Pelaksanaan Pelupusan Rekod	Proses Semakan Pelupusan Rekod Untuk dilupuskan	Pelaksanaan Pelupusan Rekod Untuk dilupuskan	Proses Semakan Rekod Untuk dilupuskan	Pelaksanaan Pelupusan Rekod	

TERAS STRATEGIK I		MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKUALITI						
STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memantapkan Pengurusan Pelanggan, Mempertingkatkan Imej Jabatan pada Perspektif Pelanggan Serta Pengukuran hubungan antara jabatan dan pelanggan. (3 PROGRAM)	1. Memantau Pencapaian Pelanggan	Peratus pencapaian Piagam Pelanggan setiap tahun	Pencapaian Piagam Pelanggan minimum 90%					Unit Pentadbiran
	2. Pengurusan Aduan Awam	Peratus penyelesaian aduan awam	Pencapaian penyelesaian aduan minimum 80%					Unit Majlis Keraian
	3. Kajian Kepuasan Pelanggan	Peratus Kepuasan Pelanggan	Min 80% kepuasan pelanggan					Unit ICT & Unit Majlis Keraian

TERAS STRATEGIK I		MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKUALITI						
STRATEGI 5	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memperkuuh Integriti dan Kompetensi Kakitangan Jabatan (2 PROGRAM)	1. Melaksanakan program kolaborasi bersama agensi luar/dalam	Bilangan Program Setahun	1 program setahun					Unit Integriti & Unit Sumber Manusia
	2. Melaksanakan pembudayaan integriti	Bilangan program setahun	3 program setahun					Unit Integriti & Unit Sumber Manusia

TERAS STRATEGIK 1		MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKUALITI						
STRATEGI 6	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Pembudayaan Inovasi dan penggunaan Teknologi Maklumat di dalam tugasannya harian (3 PROGRAM)	1.Pertandingan Inovasi di Peringkat PSUK dan Kebangsaan	Bilangan penyertaan setiap tahun (1 PENYERTAAN SETIAP TAHUN)	TANAH	PLB	BKP	TANAH	PLB	TANAH, PLB & BKP
	2.Pemantapan penggunaan ICT secara menyeluruh	Peratus capaian pelanggan/penggunaan setiap tahun system online oleh pelanggan	90% capaian pelanggan/pengguna setiap tahun					Unit ICT & Unit Pentadbiran
	3.Memperkasa dan mengautomasikan aplikasi perkhidmatan dalam Jabatan	Bilangan aplikasi	1 aplikasi setahun					Unit ICT

# STRATEGI-STRATEGI TERAS

## TERAS STRATEGIK 2

MengoptimumkanKutipan Hasil.

### STRATEGI 1

Memperkaya aktiviti kutipan hasil bersifat mesra rakyat

### STRATEGI 2

Meminimakan jumlah tunggakan cukai tanah

### STRATEGI 3

Memantapkan kutipan hasil bukan cukai

TERAS STRATEGIK 2		MEMPERKASAKAN KUTIPAN HASIL TANAH						
STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memperkaya aktiviti kutipan hasil bersifat mesra rakyat	1. Mempelbagaikan kaedah & saluran pembayaran hasil	Tertakuk kepada sasaran Pejabat Tanah Galian Selangor / Perbendaharaan Negeri Selangor	Mengikut sasaran Pejabat Tanah Galian Selangor / Perbendaharaan Negeri Selangor					Unit Hasil
	2. Meningkatkan aktiviti kaunter luar hasil	Meningkatkan aktiviti kaunter luar hasil	12 aktiviti dalam setahun					Unit Hasil

TERAS STRATEGIK 2		MEMPERKASAKAN KUTIPAN HASIL TANAH						
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Meminimakan jumlah tunggakan hakmilik bermasalah	Mengenalpasti hakmilik bermasalah	Peratus kutipan tunggakan cukai tanah	20% daripada jumlah tunggakan cukai tanah					Unit Hasil

TERAS STRATEGIK 2		MEMPERKASAKAN KUTIPAN HASIL TANAH						
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memantapkan kutipan hasil bukan cukai	Pelan tindakan kutipan premium tahunan	Peratus pencapaian unjuran premium tahunan	100% unjuran premium					Unit Pelupusan, Unit Pembangunan
	Pelan tindakan kutipan permit (LPS/bahan batuan) tahunan	Peratus pencapaian unjuran permit (LPS/bahan batuan) tahunan	100% unjuran permit					Unit Pelupusan

# STRATEGI-STRATEGI TERAS

## TERAS STRATEGIK 3

Pemantauan Pengurusan Tanah & Pendaftaran Hakmilik.

### STRATEGI 1

Memperkemas proses pendaftaran Urusniaga dan Bukan Urusniaga

### STRATEGI 2

Memperkasakan penggunaan Sistem Tanah Berkomputer dan Aplikasi e-selamat

### STRATEGI 3

Memastikan Permohonan Kebenaran Pindahmilik Tanah / Kebenaran Menggadai/ Mencagar/ Memajak lengkap dan teratur

### STRATEGI 4

Pemantapan penguatkuasaan perlanggaran syarat tanah

### STRATEGI 5

Ketirisan hasil royalti bahan batuan

### STRATEGI 6

Pengurusan permohonan pembangunan dan pemajuan tanah secara efektif

### STRATEGI 7

Memantapkan kutipan hasil bukan cukai

TERAS STRATEGIK 3		PEMANTAUAN PENGURUSAN TANAH & PENDAFTARAN HAKMILIK.									
STRATEGI I	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB			
			2022	2023	2024	2025	2026				
Memperkemas proses pendaftaran Urusniaga dan Bukan Urusniaga (3 PROGRAM)	1. Memberi latihan kepada pegawai dan kakitangan	Tempoh masa pendaftaran bagi Urusniaga dan Bukan Urusniaga	Perserahan yang lengkap dan teratur dapat diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. PMT dalam tempoh satu (1) hari							Unit Pendaftaran & Unit Sumber Manusia	
	2. Semakan berkala terhadap senarai semak (checklist) dengan PTG dan daerah-daerah lain	Tempoh masa pendaftaran bagi Urusniaga dan Bukan Urusniaga	Perserahan yang lengkap dan teratur dapat diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. PMT dalam tempoh satu (1) hari							Unit Pendaftaran	

TERAS STRATEGIK 3		PEMANTAUAN PENGURUSAN TANAH & PENDAFTARAN HAKMILIK.								
STRATEGI I	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB		
			2022	2023	2024	2025	2026			
Memperkemas proses pendaftaran Urusniaga dan Bukan Urusniaga	3) Penyeragaman penggunaan sistem Tanah Berkomputer Penyeragaman dan pengemasinan Standard Operating Prosedur(SOP) pendaftaran hakmilik	Tempoh masa pendaftaran bagi Urusniaga dan Bukan Urusniaga	Perserahan yang lengkap dan teratur dapat diselesaikan dalam tempoh 7 hari bekerja. PMT dalam tempoh 1 hari bekerja.							Unit Pendaftaran

TERAS STRATEGIK 3		PEMANTAUAN PENGURUSAN TANAH & PENDAFTARAN HAKMILIK.							
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB	
			2022	2023	2024	2025	2026		
Memperkasakan penggunaan Sistem Tanah Berkomputer dan Aplikasi e-selamat (3 program)	1. E-selamat bagi proses urus niaga PMT melebihi transaksi 1 juta	Memproses permohonan yang diterima 100%	Memproses permohonan yang diterima 100%					Unit Pendaftaran	
	2. Siasatan pembeli dan penjual transaksi pindah milik melebihi 3 juta	Memproses permohonan yang diterima 100%	Memproses permohonan yang diterima 100%					Unit Pendaftaran	

TERAS STRATEGIK 3		PEMANTAUAN PENGURUSAN TANAH & PENDAFTARAN HAKMILIK.							
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB	
			2022	2023	2024	2025	2026		
Memperkasakan penggunaan Sistem Tanah Berkomputer dan Aplikasi e-selamat	3. E-selamat bagi semua tanah-tanah yang dikategori sebagai bernilai tinggi di kawasan membangun, tanah yang mempunyai tunggakan cukai dan tanah terbiasa kerana ia berpotensi berlaku penipuan.	Memproses permohonan yang diterima 100%	Memproses permohonan yang diterima 100%					Unit Pendaftaran	

TERAS STRATEGIK 3		PEMANTAUAN PENGURUSAN TANAH & PENDAFTARAN HAKMILIK.							
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB	
			2022	2023	2024	2025	2026		
Memastikan Permohonan Kebenaran Pindahmilik Tanah / Kebenaran Menggadai/ Mencagar/ Memajak lengkap dan teratur (1 program)	Mengemaskini senarai semak dan dokumen iringin selari dengan pekeliling dengan arahan-arahan terbaru selaras dengan sistem Tanah Berkomputer.	Memproses permohonan yang diterima 100%	Permohonan yang lengkap dan teratur dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja					UNIT PENDAFTARAN	

TERAS STRATEGIK 3		PEMANTAUAN PENGURUSAN TANAH & PENDAFTARAN HAKMILIK.							
STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB	
			2022	2023	2024	2025	2026		
Pemantapan penguatkuasaan perlanggaran syarat tanah (2 PROGRAM)	I.Bancian dan pengeluaran Notis 7A – 8A	Jumlah notis	Pengurangan kes perlanggaran syarat					Unit Penguatkuasaan	
	2. Sesi penerangan menggalakkan tukar syarat	Pra rundingan	Pengurangan kes perlanggaran syarat					Unit Penguatkuasaan	
STRATEGI 5	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB	
			2022	2023	2024	2025	2026		
Ketirisan hasil rayalti bahan batuan (1 PROGRAM)	I. Pemantauan pengeluaran bahan batuan	Kawalan dan pemantauan PTG dalam perancangan untuk menggunakan Sistem smart doket di seluruh Negeri Selangor di semua kawasan pengeluaran bahan batuan (pasir/tanah merah/batu kuari)	Mengurangkan ketirisan					Unit Penguatkuasaan	

TERAS STRATEGIK 3		PEMANTAUAN PENGURUSAN TANAH & PENDAFTARAN HAKMILIK.							
STRATEGI 6	PROGRAM	INDIKATOR / SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNG JAWAB	
			2022	2023	2024	2025	2026		
Pengurusan permohonan pembangunan dan pemajuan tanah secara efektif (1 PROGRAM)	I. Memproses semua permohonan pembangunan dan pemajuan tanah selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa dan mengikut piagam pelanggan.	Memastikan setiap permohonan diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan.	100% permohonan yang telah disemak dan lengkap, selesai diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam piagam pelanggan.					Unit Pembangunan Tanah	

TERAS STRATEGIK 3		PEMANTAUAN PENGURUSAN TANAH & PENDAFTARAN HAKMILIK.							
STRATEGI 7	PROGRAM	INDIKATOR/SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)					BAHAGIAN /UNIT BERTANGGUNGJAWAB	
			2022	2023	2024	2025	2026		
Memantapkan kutipan hasil bukan cukai (2 PROGRAM)	1. Pelan tindakan kutipan premium tahunan	Peratus pencapaian unjuran premium tahunan (berdasarkan sasaran Kerajaan Negeri)	100% unjuran premium					Unit Pelupusan & Unit Pembangunan	
	2. Pelan tindakan kutipan permit (LPS/bahan batuan) tahunan	Peratus pencapaian unjuran permit (LPS/bahan batuan) tahunan	100% unjuran permit					Unit Pelupusan	

# STRATEGI-STRATEGI TERAS

## TERAS STRATEGIK 4

Memperkasa pembangunan infrastruktur daerah dan memperkuatkan sosioekonomi yang komprehensif untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat

### STRATEGI 1

Memantap dan memperkuat penyelarasan pembangunan infrastruktur dan taraf sosial daerah

### STRATEGI 2

Mempertingkatkan kemudahan dan infrasruktur awam

### STRATEGI 3

Memperkasa tadbir urus projek yang cekap dan berkualiti

### STRATEGI 4

Memperkuatkan sosioekonomi masyarakat bandar dan luar bandar berkonsepkan Kerajaan Prihatin Smart Selangor Inisiatif Peduli Rakyat – (SSIPR)

### STRATEGI 5

Memperkasa dan memperhebat kesejahteraan masyarakat bandar dan desa

TERAS STRATEGIK 4		MEMPERKASA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAERAH DAN MEMPERKUKUHKAN SOSIOEKONOMI YANG KOMPREHENSIF UNTUK KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURKAN RAKYAT						
STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)					BAHAGIAN/ UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memantap dan memperkuuh penyelarasan pembangunan infrastruktur dan taraf sosial daerah	Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPO)	Bilangan mesyuarat – 6 kali setahun	6	6	6	6	6	Pembangunan Fizikal
	Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan Daerah (MFGD)	Bilangan mesyuarat – 6 kali setahun	6	6	6	6	6	Pembangunan Masyarakat

TERAS STRATEGIK 4		MEMPERKASA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAERAH DAN MEMPERKUKUHKAN SOSIOEKONOMI YANG KOMPREHENSIF UNTUK KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURKAN RAKYAT						
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)					BAHAGIAN/ UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Mempertingkatkan kemudahan dan infrasruktur awam	Mengenalkan serta mengangkat cadangan projek yang berpotensi untuk dipertimbangkan mengikut kriteria peruntukan dan melaksanakan projek pembangunan berkualiti	Bilangan projek pembangunan fizikal yang lulus peruntukan melalui Kerajaan Negeri/ Persekutuan  *Minima: 30 projek	30	35	40	45	50	Unit Pembangunan Fizikal

TERAS STRATEGIK 4		MEMPERKASA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAERAH DAN MEMPERKUKUHKAN SOSIOEKONOMI YANG KOMPREHENSIF UNTUK KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURKAN RAKYAT						
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)					BAHAGIAN/ UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memperkasa tadbir urus projek yang cekap dan berkualiti	Penggunaan peruntukan secara optimum mengikut spesifikasi kerja dan memenuhi kehendak 'stakeholder' dan pelanggan	Prestasi jumlah penggunaan peruntukan yang diterima	90%	90%	92%	92%	92%	Unit Pembangunan Fizikal
	Memastikan sekurang-kurangnya 1 kali/minggu pemantauan dilaksanakan mengikut tempoh keseluruhan pelaksanaan projek	Jumlah pemantauan yang menepati sasaran dan tidak menepati sasaran	85%	85%	85%	90%	90%	Unit Pembangunan Fizikal

TERAS STRATEGIK 4		MEMPERKASA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAERAH DAN MEMPERKUKUHKAN SOSIOEKONOMI YANG KOMPREHENSIF UNTUK KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURKAN RAKYAT						
STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)					BAHAGIAN/ UNIT BERTANGGUNGJAWAB
			2022	2023	2024	2025	2026	
Memperkuuhkan sosioekonomi masyarakat bandar dan luar bandar berkonsepkan Kerajaan Prihatin Smart Selangor Inisiatif Peduli Rakyat – (SSIPR)	Program Bantuan Blueprint Pembasian Kemiskinan	Bilangan Penerima – 275 Penerima	55	55	55	55	55	Pembangunan Masyarakat
	Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin	Bilangan Penerima – 25 Keluarga	5	5	5	5	5	
	Program Indian Selangor Empowerment and Entrepreneurs Development – i-Seed	Bilangan Penerima – 75 Penerima	15	15	15	15	15	
	Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)	Bilangan Penerima – 75 Penerima	15	15	15	15	15	

TERAS STRATEGIK 4		MEMPERKASA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAERAH DAN MEMPERKUHKAN SOSIOEKONOMI YANG KOMPREHENSIF UNTUK KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN RAKYAT							
STRATEGI 5	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)					BAHAGIAN/ UNIT BERTANGGUNGJAWAB	
			2022	2023	2024	2025	2026		
Memperkasa dan memperhebat kesejahteraan masyarakat bandar dan desa	Program anjuran Penghulu Mukim	Bilangan Program – 160 Program	32	32	32	32	32	Pembangunan Masyarakat - Penghulu	
	Program anjuran MPKK/ KKI	Bilangan Program – 2500 Program	500	500	500	500	500	Pembangunan Masyarakat - MPKK/ KKI	



PELAN STRATEGIK PDTHS 2022 - 2026

# **PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA**

# PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA

Pada akhir tahun 2026 setelah semua perancangan Pelan Strategik PDTHS dilaksanakan pada akhir tahun 2026, fungsi dan peranan PDTHS diharap akan lebih berketerampilan dalam pelbagai aspek terutamanya pengurusan dan pembangunan daerah. Oleh kerana perkara ini melibatkan pembangunan daerah dan kemasyarakatan yang berterusan, maka perancangan strategik 5 tahun bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Sesuatu perancangan tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya langkah-langkah implementasi yang realistik dan boleh dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu bagi mencapai sasaran dan *outcome* yang digariskan di dalam pelan strategik, PDTHS telah merangka Jadual Pemantauan dan Kajian Semula Pelan Strategik seperti yang disediakan iaitu merangkumi:-

## I. MESYUARAT PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK

Pemantauan pelaksanaan Pelan Strategik akan diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun melalui mesyuarat pengurusan Jabatan atau mesyuarat di bawah Pemantauan Pelan Strategik. Laporan Pelaksanaan Pelan Strategik akan dilaporkan oleh bahagian/unit. Pelaporan hasil mesyuarat akan dibentangkan juga dalam Mesyuarat yang bersesuaian di Peringkat SUK Selangor. Tindakan susulan hasil pelaporan akan dilaksanakan oleh Ketua Bahagian sebagai pemilik program.

## II. PENILAIAN PENCAPAIAN TAHUN PERTAMA, KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT

Analisa keseluruhan pencapaian pelan strategik akan dibuat pada tahun terakhir pelaksanaan (2022-2025) untuk menilai keberkesanan setiap program dan aktiviti yang dirancang. Setiap Bahagian/Unit PDTHS perlu menyediakan Laporan Pencapaian untuk dinilai dan dianalisa.

## III. KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK

Pembentangan Laporan Kajian Semula Pelan Strategik melibatkan “Impak dan Prestasi” Pelan Strategik yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Pemantauan Pelan Strategik meliputi keberkesanan pelaksanaan dan strategi yang dirancang melalui pelan strategik. Kajian ini akan dijalankan pada tahun 2024.

# **SEKALUNG PENGHARGAAN**

Jutaan Terima Kasih kepada Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor, Semua Ketua Penolong Pegawai Daerah, Semua Penolong Pegawai Daerah dan warga PDTHS terutamanya di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dalam menyediakan Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor 2022-2026.

# Penutup

Buku Pelan Strategik PDTHS adalah penting dalam membantu merealisasikan visi dan misi Jabatan dalam tempoh 2022-2026 sejajar dengan era perubahan dan perkembangan semasa yang semakin menitik beratkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan program yang dirangka mampu bergerak seiring dengan arus perubahan semasa sememangnya perlu ada pengurusan sumber kewangan yang cekap dan sumber manusia yang kompeten. Dengan adanya pelan tindakan yang jelas, Jabatan akan berada di landasan yang betul dan dapat melaksanakan program-program tersebut mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Pelan strategik ini merupakan panduan kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta gerak kerja pelaksanaan yang direncanakan. Penerimaan, kebersamaan dan komitmen yang tinggi setiap warga PDTHS merupakan elemen penting bagi memastikan pelan strategik yang digubal berjaya dilaksanakan.

Kejayaan dalam pelaksanaan program-program ini juga akan lebih berkesan sekiranya mendapat kerjasama dan penglibatan rakan strategik PDTHS. Justeru itu, PDTHS sepenuhnya komited untuk memastikan Pelan Strategik 2022-2026 yang telah disediakan akan dilaksanakan dengan jayanya. Adalah diharapkan Visi PDTHS akan tercapai dengan sokongan semua warga PDTHS terhadap Pelan Strategik ini dengan melaksanakan penyataan misi Jabatan yang dipertanggungjawabkan.



## **PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR**

Jalan Bukit Kerajaan,  
44000 Kuala Kubu Bharu,  
Hulu Selangor,  
**SELANGOR DARUL EHSAN**



Email: [pdhs@selangor.gov.my](mailto:pdhs@selangor.gov.my)



NO.TELEFON : 03-60641026  
NO.FAKS : 03-60644881